

S46 takut kalah: Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membi-
das sikap Ahli Parlimen dalam Parti Semangat 46 (S46) yang tidak mengha-
diri persidangan khas De-
wan Rakyat bagi membina-
cangkan Rang Undang-
undang Perlembagaan (Pindaan) 1993.

Perdana Menteri berka-
ta, tindakan pemimpin S46 itu menggambarkan kekecewaan mereka dalam politik dan tidak memikirkkan kepentingan rakyat.

Beliau kesal deanean sikap pemimpin parti itu yang menyebarkan maklumat kononnya persetujuan yang dicapai oleh Majlis Raja-Raja pada 11 Februari lalu terhadap Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 dibuat secara ala Mac Michael.

B.H. 9 MAR 1993
Mereka (S46) tidak memikirkkan kepentingan rakyat. Saya yakin mereka akan menyebarkan maklumat. Persetujuan Majlis Raja-Raja itu membawa kebaikan khususnya untuk rakyat," katanya ketika berucap membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 di Dewan Rakyat, petang ini.

Semua enam Anggota Parlimen Semangat 46 termasuk Presidennya, Tengku Razaleigh Hamzah, tidak menghadiri persidangan selama dua hari bermula hari ini.

Bagaimanapun, parti-parti pembangkang lain iaitu DAP, Parti Bersatu Sabah, PAS dan empat anggota bebas, hadir.

Dr Mahathir berkata, tindakan S46 itu adalah kerana sikap takut untuk berhadapan dengan keka-



lahan.

"Kalau sudah tidak laku, tidak usah menjual diri. Mereka (S46) nampak nak kalah, sebab itulah tidak hadir," katanya.